

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 01 SEPTEMBER 2021

KERATAN AKHBAR

Gangguan bekalan air jejas 5 daerah di Selangor

Operasi Loji Rawatan
Air Sungai Semenyih
terpaksa dihentikan
akibat pencemaran

Oleh MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Sebanyak 323,623 akaun di lima daerah di negeri ini mengalami gangguan bekalan air berikutan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih akibat pencemaran bau dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir.

Menerusi aplikasi Air Selangor memaklumkan, lima

daerah terjejas itu ialah Petaling membabitkan sebanyak 160,946 akaun, Hulu Langat (29,377), Sepang (75, 869), Putrajaya (33,352) dan Kuala Langat (24,079).

Menurut kenyataan itu, daripada jumlah tersebut sebanyak 463 kawasan di lima daerah mengalami gangguan bekalan.

Kawasan terbabit membabitkan Petaling (172), Hulu Langat (54), Sepang (194), Putrajaya (23) dan Kuala Langat (20).

Sementara itu, menerusi status dimuat naik di Facebook Air Selangor memaklumkan, pencemaran bau dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir pada jam 11.10 pagi Selasa.

Jelas kenyataan itu, Air Selangor sedang bekerjasama



Loji Rawatan Air Sungai Semenyih terpaksa henti tugas akibat pencemaran bau dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir pada jam 11.10 pagi Selasa.

dengan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi mengenalpasti punca pencemaran air mentah di sepanjang Sungai Semenyih dan anak-anak sungai di sekitar Sungai Semenyih.

"Pengguna boleh men-

dapatkan senarai kawasan yang terlibat dengan gangguan bekalan air tidak berjadual ini menerusi laman sesawang Air Selangor di www.airselangor.com serta aplikasi Air Selangor," kata kenyataan itu.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

LUAS siasat punca pencemaran bau

SHAH ALAM - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sedang menjalankan siasatan berkaitan pencemaran bau seakan *solvent* dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir pada Selasa.

LUAS dalam kenyataannya memaklumkan, pihaknya menerima laporan daripada Air Selangor berkenaan pencemaran bau kira-kira jam 12 tengah hari.

“LUAS, Air Selangor dan pihak terlibat sedang menjalankan siasatan dan tindakan mitigasi segera.

“Sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari masa ke masa,” katanya menerusi Facebook rasmi LUAS pada Selasa.

Sinar Harian pada Selasa melaporkan, sebanyak 323,623 akaun di lima wilayah di negeri ini mengalami gangguan bekalan air berikutan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih akibat pencemaran bau yang dikesan.

Lima daerah terjejas itu ialah Petaling membabitkan sebanyak 160,946 akaun, Hulu Langat (29,377), Sepang (75,869), Putrajaya (33,352) dan Kuala Langat (24,079).